



Amanah Saham Nasional Berhad
(47457-V)

Pelanggan ASNB yang dihormati,

Berkuat kuasa 1 Mac 2016, **jumlah keseluruhan pelaburan melalui wang tunai** dihadkan kepada **RM50,000 sahaja di dalam kesemua produk unit amanah ASNB sehari bagi setiap pelanggan** yang berurusan di cawangan ASNB dan Ejen ASNB. Ini adalah sebagai langkah pencegahan risiko akaun-akaun disalahguna untuk aktiviti pengubahan wang haram dan keselamatan pelabur.

Had pelaburan di atas tidak melibatkan urus niaga berikut dan masih tertakluk kepada prosedur sedia ada:-

1. Urus niaga pelaburan melalui cek/deraf bank.
2. Urus niaga pelaburan yang dibuat melalui pindahan bank.
3. Urus niaga pelaburan yang dibuat melalui oleh pindahan unit dari tabung unit amanah ASNB yang lain oleh pemegang unit yang sama.
4. Urus niaga pelaburan yang dibuat melalui pindahan unit dari urus niaga jualan balik pemegang unit lain.
5. Urus niaga pelaburan yang dibuat melalui pindahan unit dari tuntutan harta pusaka simati.
6. Pindahan unit dari kes-kes lain seperti pindahan dari urus niaga jualan balik pelabur uzur/koma.

ASNB sentiasa menghargai kesetiaan tuan/puan dan mengucapkan jutaan terima kasih kerana memilih skim-skim unit amanah ASNB sebagai instrumen pelaburan tuan/puan.